

KUALA LUMPUR, 17 OGOS (BERNAMA)—TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI AMARAN TENTANG BAHAYA HURU-HARA AKIBAT KEWUJUDAN GOLONGAN-GOLONGAN ELIT DAN EKSKLUSIF DI NEGARA DAN DI RANTAU INI.

KUMPULAN-KUMPULAN SEUMPAMA ITU YANG SEPATUTNYA MENJADI KEKUATAN NEGARA NAMPAKNYA ADALAH PUNCA KETEGANGAN KETIDAK-STABILAN DAN PEMBERONTAKAN, KATANYA APABILA MERASMIKAN PERAYAAN ULANGTAHUN KE46 PERSATUAN TEOCHEW BERSEKUTU MALAYSIA DI SINI.

KATANYA, "KEKUATAN NEGARA INI IALAH KESELURUHAN KEKUATAN WARGANEGARANYA. TETAPI PERKIRAAN TENTANG KEKUATAN BUKANLAH SEMUDAH ITU."

"KITA LIHAT MASA INI BAGAIMANA KEWUJUDKAN SEKUMPULAN YANG MENJAJA GOLONGAN ELIT TERKAYA MENAKALA WARGANEGARA YANG SELEBIHNYA TERUS MISKIN TIDAK MENGHASILKAN KEKUATAN NEGARA SEPENUHNYA.

"BAHKAN KUMPULAN ITU NAMPAKNYA MERUPAKAN PUNCA KETEGANGAN, KETIDAK-STABILAN DAN PEMBERONTAKAN.

"KESUDAHANNYA KUMPULAN ELIT ITU AKAN KEHILANGAN SEGALA-GALANYA MANAKALA NEGARA PULA DITELAN HURA-HARA.

"KEKUATAN FISIKAL PIHAK POLIS DAN ANGKATAN TENTERA TIDAK DAPAT MENGHINDARKAN PROSES INI," KATANYA.

—BERSAMBUNG HM 1308

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN KEKUATAN NEGARA INI BUKANLAH SEMUDAH MENJUMLAHKAN KEKUATAN SEMUA WARGANEGARANYA, KUMPULAN-KUMPULAN DAN PUAH-PUAH KUMPULAN MEREKA TETAPI MENJUMLAHKAN BAHAGIAN-BAHAGIAN SAMA-RATA YANG SEIMBANG DAN BERTIMBANG RASA SESAMA SENDIRI.

"DENGAN ITU RASA IRIHATI DAN DENGKI ANTARA KUMPULAN-KUMPULAN BOLEH DIKURANGKAN DAN NEGARA TIDAK MUNGKIN BERPECAH-BELAH."

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU YAKIN PERSATUAN-PERSATUAN SEKELOMPOK DI MALAYSIA DAN DI LAIN-LAIN NEGARA ASEAN AKAN MEMBANTU MEWUJUDKAN KEADAAN-KEADAAN YANG AKAN MENGHAPUSKAN KEMUNGKINAN MUNCULNYA KUMPULAN-KUMPULAN KHAS DAN ELIT.

KATANYA, "SAYA YAKIN PERSATUAN-PERSATUAN SEKELOMPOK KINI LEBIH

BERPANDANGAN LUAS DAN TIDAK MENGHADKAN KEGIATAN SIVIK
MEREKA HANYA UNTUK AHLI-AHLI SEKELOMPOK SAHAJA.

"TUJUAN ASAL UNTUK MENUBUHKAN PERSATUAN-PERSATUAN SEKELOMPOK
UNTUK MENJAGA PENDATANG-PENDATANG BARU KINI TIDAK SESUAI LAGI.
KINI TIDAK ADA LAGI PENDATANG SEUMPAMA ITU.

"SEBALIKNYA SUKU TEOCHEWS DI MALAYSIA TELAH MENYATUKAN
DIRI MEREKA DENGAN MASYARAKAT CINA YANG LAIN BAHKAN DENGAN MASYARA-
KAT LAIN PUN.

PROSES PENYATUAN ITU ADALAH SANGAT PENTING BAGI KESEJAHTERA-
AN MALAYSIA, KATA DATUK SERI. DR. MAHATHIR.

—BERSAMBUNG KM 1818

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

"KITA SEMUA MAHU DIUTAMAKAN SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA. TETAPI
TIADA PULA SALAHNYA JIKA KITA RAPAT KEPADA KELOMPOK DAN SUKU
BANGSA KITA" KATA DR. MAHATHIR.

KERAJAAN MEMAHAMI HASRAT INI DAN INILAH SEBABNYA P
PERSATUAN-PERSATUAN SEKELOMPOK MASIH BERKEMBANG DI NEGARA DI MALA-
YSIA.

SAMBIL MENYATAKAN BAHAWA ADALAH BAIK BAGI SUKU TEOCHEW MENG-
HIDUPKAN HUBUNGAN MEREKA DENGAN LAIN-LAIN KELOMPOK TEOCHEW
DI KAWASAN ASEAN, TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU BERKATA BELIAU YAKIN
MEREKA TIDAK BERNIAT MENUBUHKAN SATU LAGI KELOMPOK KECIL DALAM
ASEAN.

"AMALAN BERPUAK-PUAK SERUPA ITU AKAN MENIMBULKAN SYAK WASANGKA
SERTA RASA DENGKI DAN MENYEBABKAN LAIN-LAIN PUAK BANGSA ATAU AGAMA
ATAU BUDAYA MENUBUHKAN PULA KUMPULAN-KUMPULAN MASING-
MASING." TAMBAHNYA.

BELIAU MENEKANKAN KESAN KESUDAHANNYA IALAH PERPECAHAN YANG
BOLEH MENJEJASKAN KESEJAHTERAAN ASEAN.

KATANYA, "ASEAN IALAH KUMPULAN NEGARA-NEGARA YANG SAMA
WILAYAH GEOGRAFI BERTUJUAN UNTUK MEMBERI MANAFAAT KEPADA SEMUA
RAKYAT NEGARA-NEGARA ITU. PERANAN SEBENARNYA IALAH DARI SEGI
EKONOMI.